

**MYAGROSIS galak
pelajar IPT jadi
usahawan tani**

» Pengeralan pelbagai teknologi moden mampu tarik minat generasi muda

Oleh Haryani Ngah

aryani@bharian.com.my

Pertanian adalah perniagaan' bukan lagi sekadar moto untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam menggalakkan orang ramai terutama generasi muda menyertai bidang ini sebagai satu kerjaya pilihan sebaliknya kini ia adalah satu realiti di mana ramai usahawan tani berjaya dapat dilahirkan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Hashim Abdullah, berkata untuk mewujudkan golongan pelapis dalam sektor pertanian, kita tidak boleh lagi melihat aktiviti pertanian dijalankan secara tradisional seperti dilakukan golongan terdahulu sebaliknya teknologi moden perlu diperkenalkan bagi menarik minat mereka menceburi bidang ini.

"Kini ada banyak perkembangan teknologi dalam bidang pertanian dan sekiranya digunakan sepenuhnya ia secara tidak langsung dapat menarik minat golongan muda menyertai sektor pertanian sama ada terbabit dalam aktiviti tanaman, ternakan, perikanan atau industri asas tani (IAT)," katanya.

Antara kemajuan teknologi yang semakin berkembang bukan saja di Malaysia, malah di luar negara adalah industri akuakultur di mana penternakan ikan tidak lagi terhad di laut dan sungai, sebaliknya projeknya boleh dilaksanakan di dalam gudang, tepi rumah, dalam kanvas dan pelbagai lagi lokasi.

Kemajuan dalam aktiviti ini adalah hasil daripada penemuan kajian penyelidikan MARDI dan jabatan terbabit dan ia mampu menjana pulangan lumayan kepada pengusahanya.

Turut dijadikan contoh adalah kejayaan sistem fertigasi dalam penanam *rock melon* yang diusahakan di kawasan tanah gersang di Sepang.

Dengan adanya teknologi ba-

ru, aktiviti penanam tidak lagi bergantung kepada kesuburan tanah semata mata sebaliknya ruang kawasan yang disuntik teknologi baru berjaya menghasilkan tanaman *rock melon* yang boleh ditanam sebanyak empat pusingan setahun yang mana setiap pusingan mengeluarkan hasil sebanyak 100,000 biji hingga 200,000 biji setahun.

Teknologi baru

Sistem fertigasi ini dilihat dapat menarik golongan muda menyertai pertanian.

Sehubungan itu, sebagai perediaan dalam melahirkan tenaga sumber manusia daripada golongan generasi muda Kelab MYAGROSIS diperkenalkan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan Institut Latihan Pertanian dengan membabitkan golongan mahasiswa terbabit dalam pertanian yang lebih kepada corak pertanian moden.

“Kita mahu mahasiswa terbabit dalam pertanian yang bercorak pertanian moden, pandai berniaga dan menjalankan urusan dengan sempurna.

“Perkara paling penting dalam penubuhan Kelab MYAGROSIS adalah kita mahu supaya mahasiswa ini masuk dalam sistem kita. Apabila mereka masuk dalam sistem kita menerusi program dan projek yang diadakan, mudah buat kita merencanakan sesuatu yang berkaitan dengan aspek nilai insan,” katanya.

Kerjasama pelbagai jabatan

Menerusi MYAGROSIS ini, MOA melalui Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) menjalankan kerjasama dengan pelbagai jabatan dan agensi di bawahnya se-

“
Kini ada banyak teknologi bidang pertanian dan sekiranya digunakan sepenuhnya ia dapat menarik minat golongan muda menyertai sektor pertanian sama ada dalam aktiviti ternakan, perikanan atau industri asas tani (IAT)”

Mohd Hashim Abdullah,
Ketua Setiausaha Kementerian
Pertanian dan Industri Asas Tani

perti Agrobank yang mengeluarkan kad MYAGROSIS bagi membolehkan pelajar mendapatkan pinjaman mudah apabila mereka menamatkan pengajian kelak.

MOA juga menyediakan infrastruktur modal insan buat mahasiswa menerusi pakej program yang bukan saja memberi latihan atau menjadi inkubator tetapi pakej pembiayaan daripada TEKUN dan Agrobank dan berharap bank lain turut sama dalam prog-



ram ini.

“Sekarang ini kita sudah dapat lihat, apa saja program yang dibuat oleh MOA, yang datang pada program ini terdiri daripada golongan muda. Mereka sudah sedar bahawa pertanian adalah perniagaan.

“Walaupun satu ketika dulu ia adalah moto, kini ia menjadi realiti, golongan muda sudah mula berminat dalam sektor pertanian dan ada antara mereka berjaya apabila menceburi diri dalam bidang pertanian.

“Insya Allah, dalam masa terdekat iaitu pada tahun depan, apabila kerajaan memberi tumpuan kepada sektor pertanian sebagai keselamatan makanan dengan jumlah bajet yang agak besar diberi, banyak program dapat dibuat untuk membangunkan generasi kedua dalam bidang pertanian.

MYAGROSIS diperkenalkan di seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Pertanian (ILP). MYAGROSIS ini adalah hasil kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pengajian Tinggi menerusi pendekatan ‘Blue Ocean Strategy’.

Kelab ini kini diperluaskan di kesemua 20 IPTA dan 11 ILP dan dijangka menarik keahlian sehing-



MYAGROSIS memberi makan ikan
ong, Taman Pertanian Universiti,

ga 20,000 orang menjelang 2015.

UiTM Kedah jadi model

Projek perintis MYAGROSIS diadakan di UiTM Kedah dan ia digunakan sebagai model kepada pelaksanaan Kelab MYAGROSIS di seluruh IPTA dan ILP. Projek ini membabitkan tiga bidang perniagaan tani iaitu Agroniaga (K-Shoppe), Agroladang (akuakultur, tanaman dan ternakan) dan Agroinovasi.

Keahlian kelab terbuka kepada semua mahasiswa dalam pelbagai jurusan pengajian.

Kesemua IPTA dan ILP ini dipadankan dengan Jabatan dan Agensi di bawah MOA mengikut kesesuaian kursus yang ditawarkan di universiti berkenaan dan kegiatan ekonomi masyarakat sekitar.

Sehingga 30 September 2012 keahlian Kelab MYAGROSIS adalah berjumlah 4,508 orang, kebanyakan IPTA dan ILP menubuhkan Kelab MYAGROSIS kecuali di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn.

Penubuhan Kelab MYAGROSIS di IPTA dan ILP mencapai 86.3 peratus dan MOA melalui Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) berharap penubuhan kelab mencapai 100 peratus sehingga Disember 2012.

Projek Agroniaga melalui jenama K-Shoppe akan menjadi projek utama di semua IPTA dan ILP, sehubungan itu, urusetia MYAGROSIS akan memastikan pelaksanaan penubuhan K-Shoppe mencapai 100 peratus sehingga penghujung 2012 di seluruh IPTA dan ILP.

Bagi pelaksanaan Agroladang dan Agroinovasi, ia bergantung kepada kesesuaian sumber, lokasi dan peruntukan.

Urusetia MYAGROSIS juga sedang membina satu sistem pendaftaran online dan website bagi menarik minat lebih ramai siswazah dan pelajar untuk menjadi ahli Kelab MYAGROSIS.



Sebahagian pelajar dari Kelab MYAGROSIS **memberi makan ikan tilapia merah** di Ladang Puchong, Taman Pertanian Universiti, Universiti Putra Malaysia (UPM).



K-Shoppe UUM di Sintok, Kedah yang **mendapat sambutan menggalakkan** daripada warga kampus.